

SOAL JAWAB SKIM PERUMAHAN BELIA (SPB)

1. Apakah produk ini?

Skim Perumahan Belia (SPB) adalah satu produk khusus untuk golongan belia warganegara Malaysia bagi mendapat kemudahan pembiayaan perumahan. Cagamas dan KWSP juga mengambil bahagian di dalam skim ini. Tujuan SPB adalah untuk membantu para belia dalam memiliki rumah sendiri untuk didiami. Skim ini terhad dan ditawarkan kepada 20,000 unit rumah sahaja berdasarkan konsep 'siapa cepat dia dapat'.

2. Siapakah yang layak memohon pembiayaan di bawah Skim ini?

- Warganegara Malaysia
- Belia yang sudah berkahwin berumur 25 hingga 40 tahun
- Pendapatan isi rumah tidak melebihi RM10,000 sebulan
- Pembeli rumah pertama sahaja

3. Apa yang boleh saya perolehi dari produk ini?

- Jumlah Pembiayaan : RM 100,000 (Minimum) sehingga RM 500,000 (Maksimum)
- Margin Pembiayaan : i) Sehingga 100% daripada harga belian rumah
ii) MRTA/ MRTT sehingga maksimum 5% daripada harga belian rumah.
- Tempoh Pembiayaan : Sehingga maksimum 35 tahun atau tidak melebihi 65 tahun pada tarikh tamat tempoh pembiayaan.
- Kadar faedah /
Keuntungan : Sehingga maksimum BLR/ BFR – 2.4%
*(Tertakluk terma & syarat)
(BLR /BFR semasa ialah 6.85%)
- Konsep Pembiayaan : Islamik dan Konvensional

4. Apakah jenis bantuan Sokongan Kerajaan bagi skim ini?

- Bantuan bayaran ansuran bulanan sebanyak RM200 untuk 2 tahun pertama bermula daripada pengeluaran pembiayaan yang pertama.
- Pengecualian duti setem sebanyak 50 % ke atas dokumen pembiayaan.

5. Apakah dokumen yang diperlukan untuk memohon?

- Borang permohonan Pembiayaan Kewangan BSN
- Perjanjian Jual dan Beli / Resit deposit / Proforma Pesanan Pembelian
- Salinan Kad Pengenalan

Pemohon Berpendapatan Tetap

- Salinan slip gaji untuk 3 bulan terkini

- Salinan penyata bank untuk 3 bulan terkini
- Salinan penyata bank untuk 6 bulan terkini (jika ada pendapatan lain)
- Salinan penyata KWSP
- Surat pengesahan berkerja daripada majikan
- Borang EA/ EC

Pemohon Bekerja Sendiri

- Borang B/BE dan Resit LHDN
- Surat pendaftaran syarikat (SSM)
- Salinan penyataan bank 6 bulan terkini
- Dokumen – dokumen lain (jika perlu)

Pemohon Bersama

- Borang B/BE dan Resit LHDN
- Surat pendaftaran syarikat (SSM)
- Salinan penyataan bank 6 bulan terkini
- Dokumen – dokumen lain (jika perlu)

6. Apakah cara bayaran yang disediakan ?

- Kredit bulanan ke GIRO / GIRO-i

7. Adakah saya perlu membayar yuran guaman?

Ya, yuran guaman perlu dibayar sendiri oleh pembeli.

8. Apakah syarat lain bagi pembiayaan ini?

Tertakluk kepada panduan kredit semasa BSN.

9. Bolehkan saya memohon membuat pengeluaran daripada EPF untuk bayaran ansuran ?

Ya, anda boleh.